

# Graduan perlu cipta peluang baharu

**Serdang:** Graduan bukan sahaja perlu berfikir secara kreatif di luar kotak, malah harus memiliki keupayaan mencipta peluang baharu yang memenuhi kehendak industri selaras perkembangan zaman.

Pengerusi Media Prima Berhad, Tan Sri Johan Jaaffar, berkata melalui cara itu, bukan sahaja produk yang dihasilkan mampu memenuhi kehendak pasaran global, tetapi turut membolehkannya terus kekal relevan dan mampu bertahan.

Beliau berkata, kejayaan beberapa tokoh dunia, termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad yang berupaya mentadbir negara lebih 20 tahun adalah disebabkan keupayaan bekas Perdana Menteri itu berfikir secara kreatif di luar kotak pemikiran manusia biasa.

## **Pemikiran luar biasa**

Johan turut mengemukakan

contoh kejayaan seorang usahawan yang berfikir bagaimana menjual bertih jagung dalam bekas khas.

“Begitu juga dengan pemikiran luar biasa pemilik Metro Parking, orang lain tidak terfikir bagaimana hanya dengan menyediakan tempat letak kereta, ia boleh menjadi perniagaan yang hebat.

“Metro Parking pada asalnya bermula dengan 232 ruang letak kereta, kini mereka sudah mempunyai 70,000 ruang letak kereta dengan pendapatan tahunan sebanyak RM105 juta,” katanya ketika menyampaikan ucapan pada program ‘Networking Day@Putra Business School’ di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini semalam.

Yang hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden Sekolah Perniagaan Putra, Prof Arfah Salleh dan Presiden Pertubuhan Pelajar Putra, Akmal



Hakim Aslah.

Johan berkata, memahami kehendak pasaran dan pengguna adalah penting dalam industri

untuk terus kekal relevan dan mendapat tempat.

Sementara itu, Arfah berkata, program terbabit dianjurkan se-

bagai pentas untuk menghubungkan pelajar dengan rangkaian usahawan, syarikat serta pemain industri.

Johan (tiga dari kanan) diiringi Arfah (dua dari kanan) ketika hadir pada program ‘Networking Day@Putra Business School’ di UPM, Serdang, semalam.

[FOTO  
ABDULLAH  
YUSOF/BH]